

TARIKH	07 / 07 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	8	RUANGAN	



KEADAAN kereta dinaiki Mahusin dan Rahama (gambar kecil) serta anaknya yang terdabit nahas, semalam.

3 maut bertembung

■ Kereta gagal potong kenderaan

Oleh Jaafar Mulup
am@hmetro.com.my
Gemencheh

Sepasang suami isteri maut manakala anak perempuan mereka parah selepas terdabit dalam kemalangan membabitkan dua kereta di Kilometer 36.5 Jalan Tampin-Gemas berhampiran Kampung Tenai, di sini, semalam.

Kemalangan itu turut mengakibatkan pemandu Proton Iswara yang bertembung dengan kereta pasangan terbabit maut ketika dirawat di Hospital Tampin.

Dalam kejadian jam 1.20 tengah hari itu, pasangan Mahusin Dollah, 51, dan Rahama Mohd Salleh, 57, serta anak mereka Nurasyikin, 18, dalam perjalanan dari rumah mereka di Kajang, Selangor untuk mengunjungi saudara di Segamat, Johor dengan menaiki Proton Satria.

Sumber polis berkata, se-tibanya di lokasi kejadian, kenderaan dipandu Mahusin cuba memotong kenderaan di hadapan, namun tidak berjaya.

"Disebabkan itu, kereta dinaiki tiga beranak itu bertembung Proton Iswara yang menghala dari Gemas ke Tampin.

"Suami isteri terbabit tersepit di tempat duduk hadapan dan meninggal di tempat kejadian berikutan parah di kepala serta badan, manakala Nurasyikin parah dan dibawa ke Hospital Tampin," katanya.

Menurut sumber, pemandu Proton Iswara dianggar-kan berusia 40-an itu turut meninggal dunia ketika dirawat di hospital disebabkan pendarahan yang banyak.

Ketua Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat Gemas Abu Umar Abdullah



FAKTA
Pemandu Proton Iswara maut ketika dirawat

berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 1.24 tengah hari dan mendapati keempat-empat mangsa tersepit.

Katanya, pihaknya mengambil masa 30 minit untuk mengeluarkan mayat dan mangsa.

Sementara itu, Ketua Polis

Daerah Tampin Superintendan Wooi Kooi Cheang meminta saksi kejadian menghubungi pegawai penyiasat, Inspektor Mohd Ridwan Ghazali di talian 06-4412502 bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.